

28 JAN 1996

Megat - Jabatan

KERTAS CADANGAN DISERAH KEPADA PERDANA MENTERI ESOK

TELUK INTAN, 28 Jan (Bernama) -- Kertas cadangan bagi menaikkan taraf Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir esok.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob berkata, kertas cadangan itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir selaku Menteri Dalam Menteri untuk diteliti sebelum dikemukakan kepada Kabinet.

Dr Mahathir bersetuju supaya kertas cadangan dibuat selepas perkara itu dibincangkan pada 18 Jan lepas, katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa di Masjid Pekan Chenderong Balai, dekat sini malam tadi.

Menurut Megat Junid, selepas dinaikkan taraf, bahagian itu akan dikenali sebagai Jabatan Anti Dadah yang mempunyai Majlis Anti Dadah yang dipengerusikan oleh beliau.

Katanya, Pasukan Petugas Anti Dadah Jabatan Perdana Menteri dan Cawangan Anti Dadah Polis Diraja Malaysia akan digabungkan dalam jabatan itu.

Jawatan Ketua Pengarah akan diwujudkan selaras penubuhan jabatan baru itu serta Timbalan-timbalan Pengarah Penyelidikan Dadah, Cawangan Anti Dadah, Rawatan dan Pemulihan, Jagaan Lanjutan dan Pentadbiran, tambah beliau.

Beliau berkata, Kementerian akan mengemukakan peruntukan tiga kali ganda bagi mengurus jabatan baru itu.

Pada masa ini, Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah diperuntukkan RM42 juta setahun bagi kos rawatan 10,000 penagih di 21 pusat serenti di seluruh negara.

Mengenai peningkatan kes anggota polis mengamuk, Megat Junid berkata, anggota yang dikenal pasti mengalami gangguan kesihatan diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan mental dari semasa ke semasa.

Katanya, mereka yang disahkan mengalami gangguan kesihatan termasuk gangguan mental tidak dibenarkan menjalankan tugas yang menghendaknya membawa senjata.

-- BERNAMA